

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
PERMINT SUTERASEMAI SDN. BHD.  
TERENGGANU

Oleh

NURUL WAHIDAH BINTI ABDULLAH  
Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)

2005



LI 72 FPE 4 2005



1100045037

1100045037  
Laporan akhir latihan industri di Permint SutraSemai Sdn Bhd,  
Terengganu / Nurul Wahidah Abdullah.

PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU**

1100045037

**Lihat sebelah**

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN KUSTEM

Laporan ini adalah suatu laporan akademik yang hanya mengandungi pandangan dan pendapat pelajar yang berdasarkan kepada teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri dalam mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI  
DI PERMINT SUTERASEMAI SDN. BHD.  
TERENGGANU**

**Oleh:**

**NURUL WAHIDAH BINTI ABDULLAH  
Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran)**

Laporan Akhir Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran  
**Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi**  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)

2005

1100045037

## **Pengesahan Perakuan Keaslian Laporan**

Dengan ini saya Nurul Wahidah Binti Abdullah, UK8335 dalam Jurusan Sarjana Muda Pengurusan Permasaran, mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berdasarkan kepada mengaplikasikan teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan:

Nurul Wahidah Binti Abdullah

Tarikh: 23 /11 /2005

Disahkan oleh:

Pn. Wan Norhayati Mohamed

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM.

WAN NORHAYATI MOHAMED  
Penyayarah  
Jabatan Pengurusan dan Pemasaran  
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia  
KUSTEM

## **Penghargaan**

Pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Fakulti Pengurusan dan Ekonomi yang telah membuka peluang kepada saya untuk menjalani Latihan Industri dan seterusnya berpeluang untuk menimba pengalaman di alam perkerjaan. Ia sememangnya penting untuk menempuh ranjau di alam pekerjaan akan datang. Terima kasih juga diucapkan kepada En. Ahmad Rusdi bin Abdullah selaku penyelaras Program Pengurusan Pemasaran dan Pn. Wan Norhayati Mohamed, penyelia latihan industri KUSTEM.

Begitu juga kepada pihak Permint Suterasemai Sdn. Bhd. (PSSB) yang sudi menerima saya untuk menjalani Latihan Industri di syarikatnya selama 12 minggu. Ribuan terima kasih diatas segala latihan, tunjuk ajar serta kerjasama yang telah diberikan dalam tempoh tersebut. Terutamanya kepada En. Mahadi Ali, penyelia industri di PSSB, staf bahagian Pemasaran, En. Mohd. Sorita Ngah, En. Noraizul Aziz, Pn. Idawati Jaafar, Cik Hasnah Embong, Cik Siti Aminah Abd Ghani dan semua staf PSSB amnya.

Tidak lupa ayahbonda, Abdullah Jusoh dan Midah Muda yang telah banyak memberi dorongan dan galakkan untuk menjalani latihan industri ini sebaik mungkin. Begitu juga kepada rakan-rakan terutamanya kepada Enong, Ida dan Bit yang turut membantu, dalam masa yang sama menjalani latihan industri di lokasi yang berbeza. Diucapkan ribuan terima kasih.

## **Prakata**

Beberapa objektif menjalani latihan industri ialah, pertamanya, ia merupakan satu keperluan untuk bergraduat, yang telah diwajibkan kepada semua pelajar Sarjana Muda Pengurusan Pemasaran daripada pihak Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE). Latihan ini berjalan selama 12 minggu semasa cuti antara semester. Melalui latihan ini, pelajar diberi peluang untuk mempraktikkan segala teori yang telah dipelajari selama 4 semester dan membuka peluang kepada pelajar untuk merasai suasana pekerjaan selepas bergraduat

Keduanya pula ialah saya sebagai pelajar yang menjalani latihan ini berpeluang untuk menimba dan merasai sendiri akan keadaan di alam pekerjaan walaupun untuk tempoh 12 minggu sahaja. Dengan menjalani latihan industri ini ia telah banyak memberi input kepada saya yang sememangnya amat berguna untuk kegunaan pada masa akan datang.

Melalui latihan industri ini saya dapat melihat bagaimana untuk berinteraksi dan cara untuk menarik perhatian pelanggan terhadap produk yang ditawarkan. Di PSSB juga, ia turut membantu saya dalam mendapatkan maklumat yang berkaitan untuk laporan akhir latihan industri saya. Walaupun berada di bahagian pemasaran saya turut mendapat pengalaman di bahagian-bahagian lain serta mendapat pengalaman baru tentang produk yang dihasilkan di PSSB.

Selain itu ia juga turut memberi satu pengalaman yang cukup berharga yang bukan sahaja untuk keseronokkan semata-mata. Melalui latihan industri ini saya sebagai pelajar dapat belajar untuk berkomunikasi dengan baik dan seterusnya belajar mewujudkan suasana di tempat kerja yang selesa kerana di PSSB itu sendiri iaitu di bahagian pemasaran di mana saya telah ditempatkan ini mengamalkan ikatan yang erat seperti yang tersemat di dalam satu keluarga besar.

Di PSSB saya telah ditempatkan di bahagian Pemasaran, melalui bahagian ini saya secara langsung dapat mendekatkan diri dengan situasi sebenar dengan apa yang dimaksudkan pemasaran itu sendiri. Pastinya ia bukan sahaja membawa maksud untuk menghabiskan stok yang ada dan seterusnya memberikan keuntungan, bahkan ia membawa kepada skop yang luas dalam dunia perniagaan yang sebenar.

## **ISI KANDUNGAN:**

Perkara	Muka surat
Senarai Gambar Rajah	vii
Senarai Rajah	viii
Senarai Jadual	ix
Ringkasan Eksekutif	x

### **BAB 1:LATAR BELAKANG ORGANISASI/SYARIKAT**

1.0 Pengenalan	1
1.1 Penekanan dalam memajukan organisasi	4
1.2 Matlamat	8
1.3 Misi	8
1.4 Tenaga Kerja	8
1.5 Maklumat Organisasi	9
1.6 Aktiviti dan tugas setiap bahagian	11
1.7 Aktiviti Organisasi	15
1.8 Kemahiran yang ingin dipelajari	26

### **BAB 2:PENGENALPASTIAN MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN.**

2.1 Sistem pemprosesan batik	29
2.1.1 Sistem sedia ada	29
2.1.2 Mengenalpasti masalah	33
2.1.3 Rumusan dan analisis perbincangan	35
2.1.4 Cadangan penyelesaian.	36

<b>2.2 Sistem pengurusan stok</b>	
<b>2.2.1 Sistem sedia ada</b>	<b>38</b>
<b>2.2.2 Mengenalpasti masalah</b>	<b>38</b>
<b>2.2.3 Rumusan dan analisis perbincangan</b>	<b>41</b>
<b>2.2.4 Cadangan penyelesaian</b>	<b>42</b>
	<b>43</b>
<b>2.3 Sistem sewaan pokok</b>	<b>45</b>
<b>2.3.1 Sistem sedia ada</b>	<b>45</b>
<b>2.3.2 Mengenalpasti masalah</b>	<b>48</b>
<b>2.3.3 Rumusan dan analisis perbincangan</b>	<b>49</b>
<b>2.3.4 Cadangan penyelesaian</b>	<b>50</b>
 <b>BAB 3: PENUTUP</b>	
<b>3.1 Lakaran pengharapan</b>	<b>51</b>
 <b>Rujukan</b>	<b>53</b>
<b>Lampiran</b>	<b>54</b>

## **SENARAI GAMBAR RAJAH**

<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
<b>Gambar rajah 1: Pelan Lokasi PSSB</b>	<b>3</b>

## **SENARAI RAJAH**

<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
Rajah 1: Proses mendapatkan benang untuk tenunan.	24
Rajah 2: Sistem Pemprosesan Batik	29
Rajah 3: Sistem Pengurusan Stok	38
Rajah 4: Proses Menyewa Pokok	45

## **SENARAI JADUAL**

<b>Perkara</b>	<b>Muka surat</b>
Jadual 1: Pengedar PSSB Di Semenanjung Malaysia	5
Jadual 2: Pengedar PSSB di luar negara	6
Jadual 3: kumpulan pengurusan	14
Jadual 4: Maksud Aktiviti Mendapatkan Benang Sutera	25
Jadual 5: Beberapa produk sutera keluaran PSSB	54

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

Selama dua belas minggu, pelatih telah menjalani latihan industri di Permint Suterasemai Sdn. Bhd. (PSSB). Disini pelatih telah ditempatkan di Bahagian Pemasaran sutera dan batik, dibawah penyeliaan Encik Mahali Ali.

Tujuan laporan akhir latihan ini adalah untuk membantu menganalisa sistem yang digunakan di PSSB dalam membantu melancarkan aktiviti sehari-syarike. Setiap sistem yang digunakan akan dikenalpasti masalah yang menganggu keberkesanannya dan beberapa cadangan yang mungkin dapat membantu pihak PSSB dalam merealisasikan matlamatnya.

Laporan ini didahului dengan pengenalan berkaitan organisasi, maklumat organisasi, kumpulan pengurusan, dan tugas di setiap jabatan yang terdapat di PSSB. Terdapat empat bahagian utama iaitu bahagian pentadbiran dan kewangan, bahagian semaihan dan landskap, bahagian tekstil, dan bahagian pemasaran. Dituruti dengan aktiviti yang dijalankan disini dan kemahiran yang ingin dipelajari sepanjang berada disini. Seterusnya tiga sistem yang telah dikenalpasti bagi dilihat tentang masalah yang timbul, kemudian rumusan daripada masalah tersebut dan beberapa cadangan untuk penyelesaiannya.

Ketiga-tiga sistem yang telah dikenalpasti ialah sistem pemprosesaan batik, sistem pengurusan stok dan sistem sewaan pokok. Bagi sistem pemprosesan batik, masalah yang dihadapi ialah kekurangan tenaga mahir dan kekurangan motif. Untuk sistem pengurusan stok pula masalah yang dihadapi ialah stor simpanan yang agak sempit, kekurangan stok pakaian siap untuk wanita dan tiada ukuran standard untuk pakaian siap lelaki. Sistem sewaan pokok pula menghadapi masalah penyediaan bahan yang tertangguh dan berlaku perlambakan kerja disesetengah bahagian.

Antara cadangan penyelesaiannya ialah untuk menambahkan tenaga mahir yang juga untuk menambahkan lagi motif yang ada mengikut peredaran semasa dunia. Untuk masalah dalam pengurusan stor perlu ditambahkan ruangannya dan jumlah pakaian siap untuk wanita. Manakala untuk pakaian lelaki perlu dilantik satu tukang jahit untuk mendapatkan standard saiz pakaian yang sama. Manakala permintaan pelanggan perlu disegerakan serta pembahagian tugas mengikut spesifikasi yang betul.

Secara keseluruhannya, selama menjalani latihan industri ini ia dapat membantu pelatih dalam mempelajari selok-belok dunia pekerjaan yang semakin mencabar hari ini dan membantu pelatih dalam megenalpasti masalah yang timbul dan seterusnya mengatasinya.